

Rujukan Kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 9 (41)
Tarikh : 22 April 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

PROSEDUR PENGURUSAN KONTAK RAPAT KEPADA KES COVID-19 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui hebahan rasmi kementerian bertarikh 21 April 2022 memaklumkan berkaitan **prosedur pengurusan kontak rapat kepada kes COVID-19 adalah tanpa mengira status vaksinasi.**

3. Pengurusan kontak rapat kes COVID-19 adalah seperti di **Lampiran 1**. Namun demikian, langkah-langkah pencegahan adalah digalakkan antaranya:

- 3.1 Sentiasa memakai peliup muka apabila keluar rumah;
- 3.2 Elakkan berada di tempat yang sesak;
- 3.3 Memastikan pengudaraan yang baik;
- 3.4 Elakkan daripada melawat kumpulan berisiko tinggi; dan
- 3.5 Membuat perjalanan yang penting (*essential*) sahaja.

4. Walaubagaimanapun, pelaporan kes positif masih perlu dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan melalui bkp@ump.edu.my dan staf dikehendaki untuk mengemaskini status kesihatan mereka dalam aplikasi My Sejahtera. Tempoh kuarantin hanyalah terpakai dan layak seperti tarikh yang diarahkan oleh pihak berkuasa kesihatan bagi kes positif COVID-19.

5. **Kuatkuasa pemakaian prosedur ini adalah serta merta dan tertakluk kepada arahan kerajaan yang terkini dari semasa ke semasa.** Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berhubung perkara ini, mohon emel kepada bkp@ump.edu.my.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘Teknologi Untuk Masyarakat’

Saya yang menjalankan amanah,



(SABAREHAN BINTI HJ ISMAIL)
Pengurus
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pendaftar

sk: - Naib Canselor
- Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI

PROSEDUR PENGURUSAN KONTAK RAPAT KEPADA KES COVID-19



Berkuatkuasa 22 April 2022

KONTAK RAPAT TANPA MENGIKHTISARKAN STATUS VAKSINASI

Status Kesihatan	Kuarantin	Keperluan Ujian Pengesanan COVID-19	Amalkan Langkah Pencegahan	Pelepasan Kuarantin
Tidak Bergejala	TIADA	TIADA	Dalam tempoh 5 hari dari hari terakhir pendedahan kepada kes positif COVID-19	Tidak berkenaan
Bergejala	Digalakkan untuk kuarantin sendiri	Digalakkan melakukan ujian RTK-Ag sendiri pada hari gejala bermula dan hari ketiga	Jika keputusan ujian RTK-Ag sendiri adalah negatif dan gejala berkurangan, boleh melakukan aktiviti-aktiviti luar dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan	

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN:



Sentiasa memakai pelitup muka apabila keluar dari rumah



Elakkan berada di tempat yang sesak



Memastikan pengudaraan yang baik



Elakkan daripada melawat kumpulan berisiko tinggi



Membuat perjalanan yang penting (*essential*) sahaja



Bersama Hentikan Wabak COVID-19

moh.gov.my

Dikemaskini: 21 April 2022